- 5.9. Notwithstanding anything to the contrary herein contained, the Bank reserve the right at any time to discontinue its "Personal Financing" product without giving any reasons to the Applicant, and in such an event, the Bank reserve the right to terminate or cancel the Facility at any time by giving thirty (30) days' notice to the Applicant whereupon this Facility shall terminate without prejudice to the rights and remedies of the Bank in so far as the Indebtedness is concerned and save as otherwise agreed between the Bank and the Applicant, the Indebtedness shall become due and payable to the Bank.
- 5.10. All fees, costs, insurance premiums (if applicable), stamp duty, goods and service taxes (if applicable) and expenses in respect of (ies)
- Application, the Facility Instruments and the enforcement of the rights and remedies of the Bank (including solicitors' cost on a solicitor and client basis) shall be borne by the Applicant.
- 5.11. For the the avoidance of doubt, the Applicant shall bear all professional fees, taxes (including but not limited to service tax), and out-of-pocket expenses incurred and any other fees, expenses or recourse in respect this product.
- 5.12. There are two (2) insurance products available in related to the RHB Personal Financing:-
- a) PSS is a single premium credit related insurance and payable in lumpsum to cover for the whole period of financing and it will deducted from the approved loan amount prior to loan disbursement.
 - b) Easy-Insurans Kasih Income Aid (EIKIA) is an optional insurance coverage (applicable for Easy channels only) which provides financial security against death and disability. Premium is paid as five (5) years advance premium. The premium will be deducted from granted loan amount.
- 5.13. The Bank reserves the right to require an insurance coverage as a condition for an approved Facility, when it deems fit. A quotation will be provided by the Bank's sales staff for insurance offered by the Bank's panel of insurer. Provided that the insurance operators meet the Bank's minimum criteria, Applicant may appoint his/her preferred insurance operator(s) for the insurance coverage. However to avoid any delay in loan approval and disbursement of the loan, the appointment of the Bank's panel insurance operators is highly encouraged.
- 5.13.1. Subject to Bank's acceptance of the Applicant's application for personal financing, the Applicant hereby agrees that the terms and conditions herein shall apply for the PSS and the Applicant agrees to be bound by such terms and conditions.
- The death benefit shall not be payable for death resulting from:-
- a) suicide within the first year from the effective date of insurance or
 - b) current pregnancy conditions at the effective date of insurance, which includes abortion, miscarriage or any complications therefrom known to the life assured.
- This total and permanent disability benefit shall not be payable for total and permanent disability resulting from:-
- a) attempted suicide (whether sane or insane);
 - b) self-inflicted injury or injury sustained while under the influence of drugs or intoxicating alcohol;
 - c) injury sustained while engaging in hazardous speed or endurance contest;
 - d) any airborne activities (except when travelling as a fare paying passenger or a crew member of an aircraft operated by an international airline and licensed for passenger service over a regular scheduled commercial route);
 - e) submarine voyage;
 - f) riots and civil commotions or strikes war, war like activities, revolution, acts of terrorism;
 - g) nuclear energy reactions, radiation and contamination;
 - h) Acquired Immunity Deficiency Syndrome (AIDS) or infection by any Human Immunodeficiency Virus (HIV) or,
 - h) as a result of Life Assured being involved in criminal activities.
- 5.13.2. This plan is underwritten by Tokio Marine Life Insurance Malaysia Berhad (457556-X). Tokio Marine Life Insurance Malaysia Berhad is licensed under the Financial Services 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia.
- Tokio Marine Life Insurance Malaysia Berhad is located on Ground Floor, Menara Tokio Marine Life, No.189, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur. This Plan is distributed by RHB Bank Berhad (6171-M) having a registered office at Level 9, Tower One, RHB Centre, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur;.
- 5.14. The terms and conditions herein shall bind the personal representatives of the Applicant and the successors-in-title and assigns of the Bank.
- 5.15. If at any time any term or condition herein is or may become under any written law or is found by any court or administrative body or competent jurisdiction to be illegal, void, invalid, prohibited or unenforceable then, such provision shall be ineffective to the extent of such illegality, voidness, invalidity, prohibition or unenforceability but the remaining terms and conditions herein shall remain in full force and effect.
- 5.16. The Bank's failure or delay to exercise or enforce any right hereunder shall not be deemed to be a waiver of any such right nor operate to

- bar the exercise or performance of any such right at any time or times.
- 5.17. The Facility shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia.
- 5.18. The Applicant shall provide a security as may be required by the Bank to secure the Indebtedness on such terms and conditions as may be imposed by the Bank.
- 5.19. The Bank shall not be liable for any failure to carry out its obligations hereunder due directly or indirectly to any acts of God, strikes, riots, civil commotion, acts of terrorists, labour unrest, lock-out, fire, accident, breakdown of machinery or computer system or any other matter beyond the control of the Bank.
- 5.20. All such notices, demands, statements or other communication shall, in the case of the Bank, shall be in writing and deemed to have been received by the Bank at the time of actual receipt by the Bank and in the case of the Applicant, shall be deemed to have been received by the Applicant as follows, whether or not it is in fact so received:
- by hand, at the date of despatch;
 - by ordinary post, certificate of posting, registered post or other fast postal service, three (3) days after posting;
 - by facsimile transmission, at the time of transmission
 - by SMS or electronic mail to the Applicant or by posting the notice of the same on RHB Bank's website
- 5.20.1. Without prejudice to any other forms of service allowed in law, the service of any writ, summons, statement of claim or any legal process in respect of or arising out of the Facility may be effected on the Applicant by forwarding a copy of the writ, summons, statement of claim or other legal process by prepaid registered post (or such other mode as stipulated by law) to your address stated in Application or to the last known address of the Applicant notwithstanding that it may be returned undelivered by the post office. Where served by post, such writ, summons, statement of claim or such other legal process shall be deemed to have been served on you three (3) days after the date of posting.
- 5.20.2. In proving the giving of such notices, demands, statements or other communication it shall be sufficient to show:
- In the case of delivery by hand, acknowledgement of receipt by the addressee; or
 - In the case of delivery by ordinary post, registered post or other fast postal service, that the notices, demands, statements or other communication has been duly addressed and posted; or
 - In the case of delivery by certificate of posting, the acknowledgement issued by or of the post office that the notices, demands, statements or other communication has been duly posted; or
 - In the case of delivery by facsimile transmission, the notices, demands, statements or other communication was duly transmitted from the despatching terminal as evidenced by a transmission report generated by the despatching terminal.
- 5.21.
- The service of any legal process may be given by prepaid registered or ordinary post sent to the respective address of the parties hereto and such Legal Process shall be deemed to have been duly served after the expiration of five (3) days from the date it is posted and if delivered by hand, on the day it was delivered;
 - No change in the address for service howsoever brought about shall be effective or binding on either party unless that party has given to the actual notice of the change of address for service and nothing done in reliance of subsection (a) above shall be effected or prejudiced by any subsequent change in the address for service, of which the other party has no actual knowledge of at the time the act or thing was done or carried out.
 - Legal process meant pleadings, all forms of originating processes, interlocutory applications of whatever nature, affidavits, orders and such documents other than the aforesaid which are required to be given to the other party hereto, notices, under the Companies Act 1965, the Bankruptcy Act 1967 and other Malaysian laws.
- 5.22. All notices, claims, statements, or other communications shall be in English or Bahasa Malaysia.
- 5.23. Applicant shall verify all statements of accounts sent to the Applicant by the Bank and within 14 calendar days to revert to the Bank in the event of any discrepancy in such statements of accounts failing which they shall be deemed to be conclusive and binding against the Applicant. A statement by the Bank and signed by any of its officers as

to what at any time is the amount outstanding shall, save for manifest errors be final and conclusive and shall not be questioned by the Applicant on any account whatsoever.

- 5.24. During the tenure of the Facility, the Applicant shall ensure that it has never and would not:
- Engage, directly or indirectly, in a transaction that involves proceeds of any unlawful activity;
 - Acquire, receive, possess, disguise, transfer, convert, exchange, carry, dispose, use, remove from or bring into Malaysia proceeds of any unlawful activity; or
 - Conceal, disguise or impede the establishment of the true nature, origin, location, movement, disposition, title of rights with respect to, or ownership of, proceeds of any unlawful activity.
- 5.25. The Applicant is to advise the Bank promptly in writing of any changes of the Applicant's residential address, telephone numbers or changes of employment of the Applicant.

[Remaining space intentionally left blank]

**PEMBIAYAAN PERIBADI RHB
TERMA & SYARAT
Sah bermula 1 November 2018**

Tertakluk kepada penerimaan Bank terhadap permohonan Pemohon, Pemohon dengan ini bersetuju bahawa terma-terma dan syarat-syarat dalam Jadual I ini ("Terma-terma dan Syarat-syarat") hendaklah terpakai kepada Kemudahan dan Pemohon bersetuju untuk terikat dengan terma-terma dan syarat-syarat tersebut.

1. Takrif Dan Taksiran

- 1.1. Perkataan-perkataan, terma-terma dan syarat-syarat di dalam ini hendaklah mempunyai erti yang berikut:-
- "**Pemohon**" ertinya orang yang menandatangani Borang/Skrin Permohonan;
 - "**Surat Kelulusan**" ertinya surat kelulusan Bank yang dialamatkan kepada Pemohon berkenaan dengan permohonan untuk Kemudahan oleh Pemohon;
 - "**Bank**" ertinya RHB Bank Berhad (No. Syarikat 6171-M), institusi kewangan berlesen yang diperbadankan di Malaysia, dan mempunyai pejabat berdaftar di Level 9, Tower One, RHB Centre, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur;
 - "**Tarikh Matang**" ertinya tarikh yang dinyatakan dalam komunikasi bagi Pembayaran Semula Bulanan dan jumlah lain yang kena dibayar atau perlu dibayar oleh Pemohon kepada Bank dan, jika terpakai, termasuk pembayaran tunggakan dalam Pembayaran Semula Bulanan dan/atau apa-apa jumlah tunggakan lain oleh Pemohon;
 - "**Easy Pinjaman Ekspres ("EPE")**" ialah satu ciri Kemudahan yang membolehkan kelulusan dan pembayaran Kemudahan segera apabila permohonan dikemukakan di Hub/Pusat Jualan RHB sahaja dan bukan menerusi mana-mana saluran lain.
 - "**Penalti Penamatan Awal**" ertinya Satu Ratus Ringgit Malaysia (RM100.00) atau satu peratus (1%) daripada amaun pokok Kemudahan (sebagaimana yang diluluskan oleh Bank dalam Surat Kelulusan), yang mana lebih tinggi.;
 - "**Keadaan Keingkar**" ertinya apa-apa keadaan yang dinyatakan dalam Fasal 4.1;
 - "**Kemudahan**" ertinya jumlah pokok Kemudahan yang diluluskan oleh Bank dalam Surat Kelulusannya tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di dalam ini dan jika konteks menghendaki, amaun Kemudahan yang masih belum dijelaskan.
 - "**Duti Setem**" ertinya cukai yang dikenakan ke atas dokumentasi bagi Kemudahan ini seperti yang tertakluk di bawah Akta Setem 1949 dan akan didebitkan dari kemudahan sebelum pembayaran Kemudahan.
 - "**Personal Smart Shield**" ertinya pengurusan perlindungan insurans sekiranya berlaku sebarang kematian atau hilang upaya menyeluruh dan kekal tertakluk kepada terma-terma insurans dan akan didebitkan dari Kemudahan

sebelum pelepasan pinjaman.

- **“Easy-Insurance Kasih Income Aid (EIKIA)”** adalah bantuan pendapatan segera yang menyediakan jaminan kewangan sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya. Premium akan didebitkan dari Kemudahan sebelum pembayaran pembiayaan;
- **“Keberhutangan”** ertinya Kemudahan, faedah di atasnya, caj pembayaran lewat dan apa-apa jumlah atau jumlah lain yang kena dibayar dan perlu dibayar oleh Pemohon kepada Bank menurut terma-terma dan syarat-syarat di dalam ini;
- **“Pembayaran Semula Bulanan”** ertinya amaun yang dinyatakan dalam Surat Kelulusan dan pembayaran yang perlu dibayar secara bulanan pada Tarikh Matang yang dinyatakan dalam Surat Kelulusan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di dalam ini;
- **“Penyata”** ertinya butiran Kemudahan dalam bentuk penyata kertas yang dihantar kepada pelanggan tanpa bayaran setiap tahun. Sebagai alternatif, notis bulanan Kemudahan dihantar melalui Khidmat Pesanan Ringkas (“SMS”) kepada Pemohon;
- **“Tempoh Pembayaran Semula”** ertinya tempoh pembayaran semula Kemudahan dan faedah di atasnya sebagaimana yang dinyatakan dalam Surat Kelulusan atau jika terpakai, apa-apa tempoh lain sebagaimana yang dipersetujui secara bersama antara Bank dan Pemohon;
- **“RM”** atau **“Ringgit Malaysia”** ertinya Ringgit Malaysia, mata wang sah Malaysia;
- **“Hari bekerja”** ertinya hari (selain daripada hari Sabtu, Ahad atau cuti umum) di mana Bank dibuka untuk perniagaan.
- **“Tahun”** ertinya suatu tempoh selama 365 hari;
- **“Bank@Work”** ertinya aturan pembayaran melalui potongan gaji untuk organisasi yang terpilih yang mempunyai akaun gaji syarikat dengan Bank dan kadar faedah akan disemak semula melalui skim rebat dari kadar faedah sedia ada dan akan diberhentikan sekiranya akaun termasuk ke dalam status tertunggak (contohnya 30 hari kelendar) dan dalam keadaan sedemikian, kadar faedah akan berlandaskan pada kadar faedah sedia ada.
- **“Peraturan 78”** adalah kaedah pengiraan kadar pokok dan faedah di mana faedah akan menjadi peratusan yang lebih besar pada peringkat awal tempoh pembayaran ansuran bulanan.

2. Kemudahan

- 2.1. Kemudahan ini adalah Pembiayaan Peribadi yang ditawarkan kepada Pemohon yang mana butirannya diperincikan dalam kandungan SMS dan/atau Surat Tawaran yang akan diberikan kepada Pemohon sejeurus diluluskan. .
- 2.2. Kemudahan dan faedah di atasnya hendaklah dibayar semula oleh Pemohon melalui cara bayaran Pembayaran Semula Bulanan dalam Tempoh Pembayaran Semula mengikut terma di dalam ini.
- 2.3. Kadar faedah yang dikenakan adalah berperingkat. Kadar faedah rata bermula daripada serendah (8.18%) setahun (yang bersamaan dengan 15% setahun atas kadar faedah berkesan). Kadar faedah dicajkan terdahulu berdasarkan amaun Kemudahan yang diluluskan dan faedah dikira terlebih dahulu bagi seluruh tempoh berdasarkan “Peraturan 78”. Kadar faedah mungkin berbeza daripada kadar faedah yang ditawarkan pada masa permohonan. Untuk Bank@Work, rebat akan diberikan ke atas kadar faedah semasa berdasarkan kadar faedah yang telah dipersetujui terdahulu. Rebat tertakluk pada pembayaran balik tetap sahaja dan akan ditamatkan sekiranya keingkaran akaun berlaku. Dengan itu, pengembalian semula rebat adalah mengikut budi bicara mutlak Bank. Pengiraan faedah diatas jumlah pokok untuk faedah akan bermula dari tarikh Kemudahan diluluskan; berdasarkan pada tarikh yang ditetapkan di Surat Kelulusan. Sebarang pembayaran yang masih belum dibayar pada Tarikh Matang adalah tertakluk pada caj pembayaran lewat dan akan dikenakan faedah dari tarikh bayaran bayaran ansuran yang perlu dibayar. Pembayaran Semula Bulanan akan diselenggarakan oleh Bank mengikut perubahan diatas, tanpa menjejaskan hak Bank di dalam ini. Sekiranya terdapat kekurangan dalam jumlah yang perlu dibayar atau dalam keadaan lain yang Bank fikirkan patut, tanpa menjejaskan hak Bank, Bank berhak untuk menuntut kekurangan tersebut daripada Pemohon.
- 2.4. Setiap Pembayaran Semula Bulanan hendaklah dibuat pada atau sebelum Tarikh Matang. Pembayaran Semula Bulanan pertama hendaklah dibuat pada atau sebelum Tarikh Matang pada bulan berikut

dan bulan-bulan selepasnya sehingga jumlah Keberhutangan dijelaskan sepenuhnya, yang mana tarikh matang penjelasan penuh akan dinyatakan dalam Surat Kelulusan. Di bawah “Bank@Work”, Pembayaran Semula Bulanan bulan pertama akan didebitkan dari Kemudahan sebelum pembayaran kemudahan. Pembayaran berikutnya akan dibuat melalui potongan gaji pada hari pengkreditan gaji dan hanya disifatkan sebagai telah dibayar setelah Bank menerima pembayaran dan tidak akan dikira pada masa potongan gaji. Tanpa menjejaskan fasal ini, Pemohon hendaklah membuat pembayaran kepada Bank:-

- a) Sehingga sehingga potongan gaji Pemohon berkuat kuasa dan / atau;
 - b) Jika gaji yang ditolak tidak diterima oleh Bank di atas apa-apa sebab dan/atau
 - c) Jika amaun yang diterima melalui skim potongan gaji kurang daripada bayaran minima sebenar.
- 2.5. Tanpa menjejaskan hak dan remedi Bank untuk mentakrifkan sesuatu peristiwa sebagai Keadaan Keingkaran, sebarang Pembayaran Semula Bulanan yang belum dibayar pada Tarikh Matang akan dibawa ke hadapan ke Tarikh Matang pada bulan berikutnya dengan syarat pada setiap masa bahawa Pemohon hendaklah membayar caj bayaran lewat ke atas bayaran bulanan yang tertunggak pada kadar satu peratus (1%) setahun, berdasarkan pada kiraan harian, sehingga tunggakan tersebut telah dibayar dengan penuh. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, tanpa menjejaskan hak dan remedi Bank, Pemohon hendaklah membayar kepada Bank, bagi mana-mana bulan tertentu, Pembayaran Semula Bulanan untuk bulan tersebut dan jika berkenaan, jumlah tertunggak bagi Pembayaran Semula Bulanan, bersama faedahnya.
 - 2.6. Segala surat-menyurat atau sijil lain yang dikeluarkan oleh Bank akan dianggap muktamad dan mengikat Pemohon berhubung dengan perkara yang dinyatakan di dalamnya melainkan berlaku kesilapan nyata.
 - 2.7. Apa-apa amaun Kemudahan yang telah dibayar semula tidak boleh dipinjamkan semula.
 - 2.7.1. Penalti Penamatan Awal perlu dibayar oleh Pemohon sekiranya prabayaran penuh dibuat sehubungan dengan Keberhutangan yang kurang daripada enam (6) bulan dari tarikh Surat Kelulusan.
 - 2.7.2. Apabila Penalti Penamatan Awal perlu dibayar, Penalti Penamatan Awal tersebut hendaklah dibayar bersama prabayaran Keberhutangan. Namun begitu, sekiranya Pemohon gagal membayar Penalti Penamatan Awal, yuran tersebut akan dianggap sebagai hutang yang perlu dijelaskan kepada Bank dan membentuk sebahagian daripada Keberhutangan Pemohon.
 - 2.8. Sebarang prabayaran yang melebihi pembayaran balik Pembayaran Semula Bulanan atau sebahagian prabayar akan disifatkan sebagai bayaran pendahuluan. Segala amaun bayaran pendahuluan yang mencukupi untuk menampung pembayaran semula bulanan akan melanjutkan jadual tarikh matang (tarikh matang bulanan) ke tarikh yang sekemudiannya.
 - 2.9. Dengan merujuk kepada Fasal 2.8 di mana bayaran terdahulu secara penuh dibuat sebelum Tempoh Pembayaran Semula berakhir, kadar faedah/ rebat akan dikira semula berdasarkan kadar faedah rata dan dicajkan terdahulu berdasarkan amaun Kemudahan yang diluluskan. (Kaedah pengiraan kadar faedah berdasarkan “Peraturan 78”).
 - 2.10. Semua pembayaran oleh Pemohon kepada Bank hendaklah dianggap bagi semua tujuan sebagai pembayaran kasar.

3. Proses Permohonan dan Pembayaran Kemudahan

- 3.1. Tertakluk kepada penerimaan dokumentasi dan maklumat lengkap oleh Bank berhubung dengan Permohonan dan juga Permohonan tersebut adalah teratur dan diisi dengan cara yang memuaskan, Bank akan terus memproses Permohonan tersebut.
- 3.2. Untuk Easy Pinjaman Ekspres, ianya tidak dapat disediakan dalam keadaan seperti kegagalan sambungan atau kerosakan sebarang peralatan, sistem atau perisian yang digunakan untuk memproses, termasuk CCRIS, CTOS, perkhidmatan yang diberikan oleh pihak ketiga untuk memproses permohonan ataupun perkara-perkara lain yang di luar jangkaan dan di luar kawalan pihak Bank dan tertakluk kepada penerimaan dokumentasi dan maklumat yang lengkap dari Pemohon di mana perlu dan dikehendaki.
- 3.3. Tertakluk kepada Fasal 3.1, Bank berhak untuk meminta dokumentasi atau maklumat tambahan selain daripada yang ditetapkan dalam material bercetak, jika dianggap sesuai dan wajar.
- 3.4. Penerimaan Permohonan dan pengeluaran Surat Kelulusan oleh Bank, hendaklah disifatkan suatu perjanjian oleh Pemohon untuk meminjam

- dan Bank untuk mengadakan Kemudahan, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di dalam ini. Borang Permohonan, Surat Kelulusan dan, jika terpakai, apa-apa surat atau instrumen lain yang mengubah atau meminda Surat Kelulusan adalah secara kolektifnya disebut sebagai "Instrumen Kemudahan".
- 3.5. Sekiranya Bank atas budi bicaranya meluluskan jumlah pokok lebih rendah atau Tempoh Pembayaran Balik yang dilanjutkan bagi Kemudahan berbanding yang dimohon, Pemohon dianggap telah menerima Kemudahan yang dikurangkan jumlahnya atau Tempoh Bayaran Balik yang dilanjutkan, dan dalam keadaan sedemikian, "Kemudahan" hendaklah bermaksud Kemudahan yang dikurangkan atau "Tempoh Pembayaran Balik" hendaklah bermakna Tempoh Pembayaran Balik yang dilanjutkan.
 - 3.6. Selepas Kemudahan diluluskan, Bank akan menetapkan nombor akaun enam belas (16) angka bagi Kemudahan ini dan angka tersebut akan dinyatakan dalam Surat Kelulusan.
 - 3.7. Sekiranya Pemohon menegaskan untuk membatalkan Kemudahan, pembatalan tersebut hendaklah dianggap sebagai prabayaran jumlah penuh Keberhutangan termasuk dan tidak terhad pada semua yuran, kos, premium insuran (sekiranya terpakai), duti setem dan juga Penalti Penamatan Awal akan dikenakan menurut Fasal 2.7.1 dan 2.7.2 di atas.
 - 3.8. Untuk Easy Pinjaman Ekspres, susulan daripada kelulusan Kemudahan, Pemohon adalah diwajibkan untuk membuka sebarang Akaun Easy-Smart Debit Card (sekiranya tiada akaun semasa/simpanan lain dengan RHB Bank) dimana Bank akan menetapkan nombor akaun bagi Kemudahan itu dan nombor tersebut akan dinyatakan dalam Surat Tawaran, Yuran tahunan Akaun Easy-Smart Debit Card akan dikecualikan untuk tahun pertama bagi Pemohon dan untuk tahun berikutnya yuran tahunan akan dikenakan bagi setiap tahun (maklumat lanjut boleh didapati di www.rhbgroupp.com/easy). Sebarang Akaun Easy-Smart Debit Card yang dibuka untuk ditutup sekiranya akaun pinjaman masih aktif.
 - 3.9. Jika Bank menolak Permohonan, Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab untuk memberikan apa-apa sebab bagi penolakan tersebut kepada Pemohon.
 - 3.10. Pemohon berakuijanji dan/atau mengatakan bahawa dalam Permohonan dan sehingga semua Keberhutangan dibayar semula sepenuhnya:
 - a) Bahawa semua maklumat dan dokumen yang dikemukakan olehnya kepada Bank dalam Permohonan adalah benar dan betul;
 - b) Pemohon tidak boleh mempertikaikan isi kandungan dalam Permohonan dan jika Permohonan dihantar melalui transmisi faksimile kepada Bank, Bank adalah berhak untuk menganggap Permohonan itu sebagai Permohonan tulen yang ditandatangani oleh Pemohon;
 - c) Pemohon hendaklah mengemukakan semua maklumat dan dokumen lain yang berkaitan sebagaimana yang diminta oleh Bank dari semasa ke semasa;
 - d) Pemohon hendaklah memastikan bahawa nombor akaun bank atau nombor akaun lain yang dinyatakan dalam Permohonan adalah betul;
 - e) Pemohon adalah pemunya manfaat tunggal atas semua nombor akaun bank atau nombor akaun lain yang dinyatakan dalam Permohonan dan apa-apa nombor akaun bank lain yang dia boleh memaklumkan kepada Bank dari semasa ke semasa;
 - f) Arahan Pemohon kepada Bank untuk membayar Kemudahan ke dalam akaun bank yang dinyatakan dalam Permohonan adalah sah dan mengikat Pemohon dengan syarat bahawa jika Pemohon tidak mempunyai suatu akaun yang sedia ada dengan Bank atau mana-mana institusi kewangan lain, Pemohon hendaklah dengan segera sebelum pengemukakan Permohonan ini, membuka suatu akaun semasa/ simpanan dengan Bank atau mana-mana institusi kewangan lain atas nama tunggalnya bagi tujuan tersebut;
 - g) dan bahawa pemberian Kemudahan oleh Bank tidak melanggar Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan/atau apa-apa pindaan kepadanya atau penggubalan semulanya.
 - h) Terma dan syarat ini membentuk obligasi yang sah dan mengikat di sisi undang-undang yang boleh dikuatkuasakan terhadap Pemohon menurut terma-terma masing-masing.
 - 3.11. Tertakluk kepada Fasal 3.7, dalam tempoh empat (4) hari bekerja dari tarikh pengeluaran yang dinyatakan dalam Surat Kelulusan dan selagi tiada Keadaan Keingkar berlaku, Bank akan melepaskan Kemudahan dengan mengkreditkan jumlah yang sama ke dalam akaun semasa/ simpanan yang ditetapkan oleh Pemohon untuk tujuan tersebut dan hanya terpakai bagi akaun semasa/ simpanan peribadi sahaja. Sebarang akaun syarikat/ akaun pegangan bersama/ akaun tidak

aktif adalah tidak dibenarkan.

4. Keadaan Keingkar

- 4.1. Bank adalah berhak untuk menamatkan Kemudahan dengan memberi tujuh (7) hari notis kepada Pemohon apabila berlakunya mana-mana Keadaan Keingkar yang berikut:
 - a) Pemohon ingkar dalam membuat pembayaran jumlah pokok dan/atau faedah dan/atau apa-apa jumlah lain yang perlu dibayar di bawah ini (sama ada dituntut secara rasmi atau tidak); atau
 - b) Pemohon mengingkari mana-mana terma atau syarat di dalam ini; atau
 - c) Pemohon tidak mampu untuk membayar hutangnya atau menagguhkan pembayarannya atau membuat komposisi atau perkiraan dengan pemiutangnya atau melakukan suatu perbuatan kebankrapan atau mempunyai suatu petisyen kebangkrapan yang difailkan terhadapnya; atau
 - d) Pemohon meninggal dunia atau menjadi tidak siaman; atau
 - e) mana-mana keberhutangan lain Pemohon kepada Bank atau mana-mana institusi kewangan lain menjadi boleh diisytiharkan kena dibayar pramatang oleh sebab kegagalan Pemohon untuk membuat apa-apa pembayaran pada Tarikh Matang atau jika kena dibayar atas tuntutan, apabila dituntut termasuk kegagalan Pemohon untuk membayar apa-apa hutang kredit kad yang ditanggung dalam tempoh yang dikehendaki itu; atau
 - f) apa-apa pembayaran melalui akaun semasa Pemohon, sama ada dengan Bank atau institusi kewangan yang lain dibuat dan akaun tersebut dituntut oleh Bank atau institusi kewangan yang berkaitan, mengikut mana-mana yang berkenaan, mengikut kehendak Biro Maklumat Cek; atau
 - g) prosiding distres atau pelaksanaan lain dijalankan terhadap harta Pemohon maka, seluruh Keberhutangan hendaklah menjadi kena dibayar dan perlu dibayar dengan segera oleh Pemohon kepada Bank.
- 4.2. Pemohon hendaklah menanggung rugi Bank dan memastikan Bank ditanggung rugi sepenuhnya sehubungan dengan apa-apa kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan, yuran, caj (termasuk tanpa had kos peguam cara Bank (atas dasar peguam cara dan klien) yang Bank mungkin alami atau tanggung, dalam melaksanakan atau cuba melaksanakan haknya di bawah ini.
- 4.3. Dalam memperluaskan dan bukan menjejaskan hak RHB yang terkandung dalam Perjanjian ini, RHB Bank berhak atas budi bicaranya melantik ejen pilihannya untuk mengutip semua dan sebarang amaun yang patut dibayar balik atau terhutang oleh Pemohon kepada RHB Bank di bawah Perjanjian ini dengan memberi notis sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalender terlebih terdahulu.
- 4.4. Bank adalah berhak pada bila-bila masa dengan memberi notis terdahulu kepada Pemohon untuk tempoh tidak kurang daripada tujuh (7) hari kalender selepas timbulnya Keadaan Keingkar untuk menggabung atau menyatukan semua atau mana-mana akaun Pemohon di mana-mana cawangan Bank dan menolak atau memindahkan apa-apa amaun kredit dalam mana-mana satu atau lebih akaun tersebut bagi menjelaskan Keberhutangan atau sebahagian daripadanya.

5. Pelbagai

- 5.1.1. Sekiranya Pemohon telah memilih "ya" berkaitan dengan pendedahan maklumat untuk tujuan penjualan silang ("cross-selling"), pemasaran dan promosi dan persetujuan selanjutnya serta memberi kuasa untuk pemindahan maklumat untuk sebarang tujuan termasuk tetapi tidak terhad kepada penilaian kredit, untuk menggunakan, menganalisa dan menilai maklumat untuk tujuan memperbaiki dan meneruskan penyediaan produk dan perkhidmatan oleh Bank di dalam borang permohonan, dan Pemohon kemudiannya memilih "tidak" atau sebaliknya, Pemohon boleh menghubungi Pusat Perkhidmatan RHB untuk menukar pilihan tersebut.
- 5.1.2. Pemohon bersetuju dan memberi kuasa kepada Kumpulan Perbankan RHB (termasuk syarikat induk, anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat berkaitan), pengarah-pengarah, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja dan ejen-ejenjnya untuk mendedahkan, berkongsi dan/atau mengesahkan maklumat atau dokumen-dokumen yang berkaitan dengan hal ehwal Pelanggan, akaun-akaun, kemudahan-kemudahan, pengarah-pengarah dan/atau pemegang-pemegang saham kepada dan/atau dengan pihak-pihak berikut termasuk, tanpa had:
 - a) mana-mana syarikat dalam Kumpulan Perbankan RHB, sama ada di dalam atau di luar Malaysia untuk sebarang tujuan

termasuk, tanpa had, jualan silang, pemasaran dan promosi produk dan/atau perkhidmatan daripada Kumpulan Perbankan RHB

- b) mana-mana pihak berkuasa/pengawal selia/pihak yang dibenarkan oleh undang-undang atau peraturan-peraturan untuk mendapatkan maklumat atau oleh pihak mahkamah;
 - c) mana-mana pihak yang membekalkan sekuriti bagi kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada Pelanggan; ejen-ejen Kumpulan Perbankan RHB, termasuk tanpa had, penjual-penjual, peniaga-peniaga dan/atau pembekal perkhidmatan pihak ketiga berhubung dengan apa-apa produk dan/atau perkhidmatan yang disediakan oleh Kumpulan Perbankan RHB;
 - d) juruaudit-juruaudit, peguam-peguam dan/atau penasihat-penasihat profesional lain yang berkaitan dengan perkhidmatan yang diberikan oleh Kumpulan Perbankan RHB dengan perantaraan ini, atau berkaitan dengan apa-apa penyediaan kemudahan atau dokumen-dokumen sekuriti, jika berkenaan, atau mana-mana tindakan atau prosiding bagi mendapatkan kembali wang yang perlu dibayar oleh Pelanggan, di mana berkenaan;
 - e) biro-biro kredit dan/atau agensi-agensi pelaporan kredit, agensi-agensi pencegahan penipuan, agensi-agensi kutipan hutang dan persatuan-persatuan berkaitan industri/kewangan; dan
 - f) mana-mana pemegang serah hak yang berpotensi atau orang-orang lain yang bercadang untuk membuat apa-apa perjanjian kontrak yang memerlukan pendedahan maklumat tersebut.
- 5.2. Pihak Bank berhak mengubah kadar faedah/ kadar rebat atau meminda sebarang tawaran produk/ciri-ciri dan terma-terma dan syarat-syarat pada bila-bila masa dengan memberi notis terlebih dahulu kepada Pemohon untuk suatu tempoh tidak kurang daripada dua puluh satu (21) hari kalendar dan akan berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh pihak Bank. Menurut budi bicara pihak Bank, satu notis mengenai penambahan atau pindaan atau pengubahan boleh dikuatkuasakan dengan:-
- a) Mempamerkannya di premis Bank atau pejabat cawangannya atau menghantar notis tersebut kepada Pemohon; atau
 - b) Menghantar notis melalui SMS atau mel elektronik kepada Pemohon atau memuatkan naik notis di laman web RHB.
- Notis tersebut akan dianggap sebagai telah diterima oleh atau disampaikan kepada Pemohon pada tarikh notis itu dipaparkan di Premis Bank atau pada laman web atau internet Bank, mengikut keadaan atau tarikh penghantaran notis atau pada masa notis tersebut dianggap telah disampaikan oleh Bank kepada Pemohon.
- 5.3. Pihak Bank mempunyai hak untuk mengubah keputusan permohonan dan menahan Kemudahan itu pada bila-bila masa menurut budi bicara pihak Bank.
- 5.4. Bank adalah berhak untuk meletakkan apa-apa wang yang diterima daripada Pemohon ke dalam suatu akaun tergantung selama yang difikirkan wajar oleh Bank tanpa apa-apa kewajipan pada masa yang sama untuk memohon wang tersebut atau mana-mana bahagiannya dalam atau terhadap pembayaran Keberhutangan atau mana-mana bahagiannya. Walaupun pembayaran tersebut berlaku sewaktu kebangkrapan Pemohon, Bank boleh membuktikan untuk dan bersetuju untuk menerima apa-apa dividen atau komposisi berkenaan dengan keseluruhan atau sebahagian Keberhutangan.
- 5.5. Pemohon menyetujui kesan Seksyen 60 Akta Kontrak 1950 dan menjadikan dirinya tidak berupaya daripada pengutukan pembayaran tersebut apabila membuat pembayaran kepada Bank untuk Keberhutangan atau apa-apa kemudahan lain yang diberikan oleh Bank.
- 5.6. Masa di mana-mana disebutkan adalah menjadi asas.
- 5.7. Pemohon adalah tidak bebas untuk menyerah hak apa-apa hak dan/atau kewajipan di dalam ini.
- 5.8. Bank adalah bebas untuk menyerah hak-haknya dan/atau kewajipannya di dalam ini dengan memberi notis kepada Pemohon terlebih dahulu. Hak dan kewajipan Bank di bawah ini hendaklah terus menjadi sah dan mengikat bagi semua maksud apa pun walaupun apa-apa perubahan melalui penyatuan, pembentukan semula atau selainnya yang boleh dilakukan kepada penubuhan Bank atau mana-mana syarikat yang mana perniagaan Bank mungkin pada waktu itu dijalankan dan hak dan kewajipan tersebut hendaklah menjadi tersedia kepada syarikat yang menjalankan perniagaan itu pada waktu itu.
- 5.9. Walaupun apa-apa yang bertentangan dengan yang terkandung di dalam ini, Bank adalah berhak pada bila-bila masa untuk tidak meneruskan produk "Pembayaran Peribadi" tanpa memberikan apa-apa sebab kepada Pemohon, dan dalam keadaan tersebut, Bank berhak

untuk menamatkan atau membatalkan Kemudahan pada bila-bila masa dengan memberikan 30 hari notis kepada Pemohon maka, Kemudahan ini hendaklah tamat tanpa menjejaskan hak dan remedi Bank setakat Keberhutangan sahaja dan kecuai sebagaimana yang selainnya dipersetujui antara Bank dan Pemohon, Keberhutangan hendaklah kena dibayar dan perlu dibayar kepada Bank.

- 5.10. Semua yuran, kos, premium insurans (sekiranya terpakai), duti setem dan perbelanjaan berkenaan dengan Permohonan, Instrumen Kemudahan dan penguatkuasaan hak dan remedi Bank (termasuk kos peguam cara atas suatu asas peguam cara dan klien) hendaklah ditanggung oleh Pemohon.
- 5.11. Bagi mengelakkan keraguan, Pemohon hendaklah menanggung semua yuran profesional, cukai (termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai perkhidmatan), dan perbelanjaan luar jangka yang ditanggung dan apa-apa fi lain, perbelanjaan atau tindakan sewajarnya berkenaan dengan produk ini.
- 5.12. Terdapat dua (2) produk insurans berkaitan dengan Pembiayaan Peribadi RHB:-
 - a) PSS adalah insurans kredit berpremium tunggal yang perlu dibayar sekaligus untuk mendapat perlindungan sepanjang tempoh pinjaman dan premium akan ditolak daripada jumlah pinjaman yang diluluskan sebelum pelepasan pinjaman.
 - b) EIKIA adalah perlindungan insurans pilihan (terdapat pada saluran Easy sahaja) yang menyediakan jaminan kewangan sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya. Premium akan dibayar sebagai premium lima (5) tahun terlebih dahulu. Premium akan ditolak daripada jumlah amaun pembiayaan yang diluluskan.
- 5.13. Pihak Bank mempunyai hak untuk mengenakan perlindungan insurans sebagai syarat kelulusan Kemudahan, apabila difikirkan sesuai. Suatu sebutharga akan diberi oleh kakitangan jualan RHB Bank bagi insurans yang ditawarkan oleh panel insurans pihak Bank. Asalkan pihak insurans/ operator takaful bukan panel memenuhi syarat minima yang ditentukan oleh pihak Bank, Pemohon juga boleh melantik pihak insurans/ operator takaful bukan panel untuk perlindungan insurans. Namun, bagi mengelakkan sebarang kelewatan dalam pelepasan pinjaman, kami menggalakkan perlantikan syarikat insurans/ operator takaful panel Bank.
- 5.13.1. Tertakluk kepada penerimaan Bank terhadap permohonan Pemohon, Pemohon dengan ini bersetuju bahawa terma-terma dan syarat-syarat ini adalah atas PSS dan Pemohon dengan ini bersetuju untuk terikat dengan terma-terma dan syarat-syarat tersebut.

Manfaat kematian tidak akan dibayar untuk kematian yang disebabkan oleh:-

- a) membunuh diri dalam tempoh satu tahun dari tarikh kuat kuasa insurans atau,
- b) tempoh bagi kehamilan kini pada tarikh kuat kuasa insurans, termasuk aborsi, keguguran, dan komplikasi daripada kehamilan pada pengetahuan hayat yang diinsuranskan.

Manfaat hilang upaya menyeluruh dan kekal tidak akan dibayar untuk hilang upaya menyeluruh dan kekal yang disebabkan oleh:-

- a) cuba untuk membunuh diri (sama ada siaman atau tidak siaman);
 - b) kecederaan yang disengajakan atau kecederaan semasa di dalam pengaruh dadah atau alkohol;
 - c) kecederaan semasa mengambil bahagian di dalam kelajuan yang membahayakan atau pertandingan daya ketahanan;
 - d) sebarang aktiviti penerbangan (tidak termasuk perjalanan sebagai penumpang atau krew untuk kapal terbang yang dikendalikan oleh Penerbangan Antarabangsa dan pemegang lesen untuk perkhidmatan penumpang untuk perjalanan berjadual);
 - e) pelayaran kapal selam;
 - f) rusuhan dan kekecohan awam atau serangan perang, perang seperti aktiviti, revolusi, tindakan keganasan;
 - g) tindak balas nuklear, radiasi dan kontaminasi;
 - h) Penyakit Sindrom Kurang Daya Tahan atau jangkitan daripada Penyakit Virus Kurang Daya Tahan atau,
 - i) akibat daripada penglibatan Hayat yang Diinsuranskan dalam kegiatan jenayah.
- 5.13.2. Pelan ini ditaja jamin oleh Tokio Marine Life Insurance Malaysia Berhad (457556-X). Tokio Marine Life Insurance Malaysia Berhad diperlesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.
- Tokio Marine Life Insurance Malaysia Berhad terletak di Aras Bawah, Menara Tokio Marine Life, No.189, Jalan Tun Razak, 50400, Kuala

Lumpur.

Pelan ini diedarkan oleh RHB Bank Berhad (6171-M) yang mempunyai pejabat didaftarkan di Tingkat 9, Tower One, RHB Centre, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.

- 5.14. Terma-terma dan syarat-syarat di dalam ini akan mengikat wakil peribadi Pemohon dan pengganti dalam hak milik dan pemegang serah hak Bank.
- 5.15. Jika pada bila-bila masa apa-apa terma dan syarat di dalam ini adalah atau boleh menjadi di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau didapati oleh mana-mana mahkamah atau badan pentadbiran atau bidang kuasa yang kompeten sebagai menyalahi undang-undang, terbatal, tidak sah, dilarang atau tidak boleh dikuatkuasakan, maka, peruntukan tersebut hendaklah menjadi tidak efektif setakat penyalahan undang-undang, keterbatalan, ketaksahan, larangan atau ketidakbolehuatkuasaan tersebut tetapi terma-terma dan syarat-syarat yang tinggal di dalam ini hendaklah tetap berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya.
- 5.16. Kegagalan atau kelewatan Bank untuk melaksanakan atau menguatkuasakan apa-apa hak di bawah ini tidak boleh disifatkan sebagai suatu penepian hak itu atau berfungsi untuk menghalang pelaksanaan atau penunaian hak itu pada bila-bila masa.
- 5.17. Kemudahan hendaklah ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.
- 5.18. Pemohon hendaklah memberikan apa-apa sekuriti, sebagaimana yang dikehendaki oleh Bank untuk menjamin Keberhutangan atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Bank.
- 5.19. Bank tidak bertanggung bagi apa-apa kegagalan untuk melaksanakan kewajibannya di bawah ini sama ada secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh bencana alam, mogok, rusuhan, kekecohan awam, perbuatan penganas, kekacauan buruh, sekat masuk kerja, kebakaran, kemalangan, kerosakan sistem mesin atau komputer atau perkara-perkara lain yang melampaui kawalan Bank.
- 5.20. Semua notis, tuntutan, pernyataan atau komunikasi lain hendaklah, dalam keadaan Bank, hendaklah disifatkan telah diterima oleh Bank pada masa penerimaan sebenar oleh Bank dan dalam keadaan Pemohon, hendaklah disifatkan telah diterima oleh Pemohon seperti yang berikut, sama ada atau tidak ia sebenarnya diterima:
- Melalui serahan tangan, pada tarikh penghantaran;
 - melalui pos biasa, perakuan pos, pos berdaftar atau perkhidmatan pos laju lain, tiga (3) hari selepas dipos;
 - melalui transmisi faksimile, pada masa transmisi;
 - menghantar notis tersebut melalui SMS atau mel-elektronik atau memaparkan notis yang sama di laman web RHB Bank.
- 5.20.1. Tanpa prejudis terhadap sebarang bentuk penyerahan lain yang dibenarkan di bawah undang-undang, penyerahan writ, saman, pernyataan tuntutan atau sebarang proses guaman yang berkaitan dengan atau timbul daripada Kemudahan boleh dikuatkuasakan pada Pemohon dengan menghantar satu salinan writ, saman, pernyataan tuntutan atau sebarang proses guaman melalui pos berdaftar prabayar (atau sebarang mod yang ditetapkan oleh undang-undang) ke alamat anda yang dinyatakan dalam Permohonan atau ke alamat terakhir yang diketahui meskipun ia mungkin gagal diserahkan dan dikembalikan oleh pejabat pos. Apabila dihantar melalui pos, writ, saman, pernyataan tuntutan atau sebarang proses guaman yang berkaitan dianggap telah diserahkan kepada anda tiga (3) hari selepas tarikh pengiriman.
- 5.20.2. Untuk mengesahkan notis, tuntutan, pernyataan dan bentuk komunikasi lain telah diserahkan, adalah memadai untuk menunjukkan:
- dalam kes penyerahan tangan, pengesahan terima oleh penerima; atau
 - dalam kes penyerahan melalui pos biasa, pos berdaftar atau lain-lain khidmat pos laju, bahawa notis, tuntutan, pernyataan atau komunikasi lain telah beralamat wajar dan telah dikirimkan; atau
 - dalam kes penyerahan melalui sijil pengiriman, pengesahan yang dikeluarkan oleh pejabat pos, bahawa notis, tuntutan, pernyataan atau komunikasi lain telah dikirimkan; atau
 - dalam kes penyerahan melalui faksimile, bahawa notis, tuntutan, pernyataan atau komunikasi lain telah dihantar daripada terminal penghantaran seperti yang tercatat pada laporan transmisi yang diterbitkan oleh terminal penghantaran.
- 5.21.
- Penyampaian apa-apa Proses Undang-Undang boleh diberikan melalui kiriman pos berdaftar prabayar atau pos biasa yang dihantar ke alamat pihak yang berkenaan dalam dokumen ini dan Proses Undang-Undang tersebut akan disifatkan sebagai telah disampaikan sewajarnya selepas tamat tempoh lima (3) hari dari tarikh penghantarannya dan jika diserahkan dengan tangan, pada hari ia diserahkan; dan
 - Pertukaran alamat penyampaian walau dalam apa cara sekali pun tidak akan berkuat kuasa atau mengikat kedua-dua pihak kecuali pihak tersebut telah memberi pihak yang satu lagi notis sebenar tentang pertukaran alamat penyampaian dan apa jua yang dilakukan menurut subseksyen (a) di atas tidak akan terlibat atau terjejas oleh apa-apa pertukaran berikutnya dalam alamat penyampaian yang tidak diketahui oleh pihak yang satu lagi pada masa tindakan atau perkara tersebut dilakukan atau dilaksanakan.
- c) "Proses Undang-Undang" bermaksud pliding, semua bentuk proses pemula, apa jua jenis permohonan interlokutori, affidavit, perintah dan dokumen seumpamanya selain yang dinyatakan sebelum ini yang perlu diberi kepada pihak yang satu lagi dalam dokumen ini, notis, di bawah Akta Syarikat 1965, Akta Kebankrapan 1967 dan undang-undang lain di Malaysia.
- 5.22. Semua notis, tuntutan, penyata, atau komunikasi lain tersebut hendaklah dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Malaysia.
- 5.23. Pemohon hendaklah mengesahkan semua penyata akaun yang dihantar oleh Bank kepada Pemohon dan dalam tempoh masa 14 hari untuk mengembalikannya kepada Bank sekiranya terdapat apa-apa percanggahan dalam penyata akaun tersebut yang jika Pemohon gagal berbuat demikian, penyata akaun tersebut akan disifatkan sebagai muktamad dan mengikat Pemohon. Penyata daripada Bank dan ditandatangani oleh mana-mana pegawainya tentang pada bila-bila masa berapa jumlah baki wang yang belum dijelaskan, melainkan apa-apa kesilapan nyata, adalah muktamad dan tidak akan dipersoalkan oleh Pemohon atas apa jua alasan.
- 5.24. Dalam tempoh Kemudahan, Pelanggan akan memastikan bahawa Pelanggan tidak pernah dan tidak akan:
- melibatkan diri, secara langsung atau tidak langsung, dalam urusan niaga yang melibatkan hasil yang didapati daripada apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang;
 - memperoleh, menerima, memiliki, menyembunyikan, memindahkan, mengubah, menukarkan, membawa, melupuskan, menggunakan, mengeluarkan dari atau membawa masuk ke dalam Malaysia hasil yang didapati daripada apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang; atau
 - melindungi, menyembunyikan atau menghalang tindakan bagi mengesahkan sifat sebenar, asal, lokasi, pergerakan, pelupusan, hak milik, hak berkaitan dengan, atau pemilikan hasil yang didapati daripada apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang.
- 5.25. Pemohon haruslah membuat makluman bertulis kepada Bank secepat mungkin mengenai apa-apa perubahan tentang alamat surat-menyurat, nombor telefon atau penukaran tempat pekerjaan Pemohon.

[Ruang selebihnya sengaja dibiarkan kosong]